

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 28 NOVEMBER 2019**

**YB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI YASSIN (GAMBIR)
SOALAN 17 (A211)**

YB Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) Gambir meminta Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan Negeri untuk menyatakan statistik penerima Kad Sihat Johor mengikut daerah dan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan lebih ramai rakyat negeri Johor menerima manfaat kad ini.

JAWAPAN YB TUAN MOHD. KHUZZAN BIN ABU BAKAR

Bil	Daerah	Jumlah Kad Sihat
1	Johor	1,474
2	Muar	1,577
3	Batu pahat	2,071
4	Segamat	1,408
5	Kluang	604
6	Pontian	688
7	Kota tinggi	686
8	Mersing	210
9	Kulai	752
10	Tangkak	610
Jumlah		10,080

Pada tahun 2020, antara inisiatif penambahbaikan yang akan dilaksanakan adalah dengan menambah bilangan kuota kad sihat Johor daripada **14,000** kepada **46700**. Peningkatan kuota ini terbahagi kepada dua kategori iaitu keluarga berjumlah **28000**, dan individu sebanyak **19600**.

Tahun	2019		2020	
	Individu	Keluarga	Individu	Keluarga
Kuota	4000	10000	19600	28000
Jumlah	14000		47600	

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 28 NOVEMBER 2019**

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 18 (A119)

Apakah usaha kerajaan dalam memajukan industri durian di Negeri Johor?

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Yang Berhormat,

Bagi melonjakkan usaha meningkatkan industri durian, Jabatan Pertanian melalui Bahagian Pembangunan Industri Tanaman yang berpusat di Ayer Hitam mulai mengeluarkan anak benih durian bernilai tinggi pada tahun 2016 sebanyak 5,000 anak pokok setiap tahun. Jumlah pengeluaran ini akan dipertingkatkan kepada 20,000 anak pokok pada tahun 2019 di bawah inisiatif Sumber Rezeki Baharu. Benih-benih tersebut akan diagih kepada petani melalui program Pembangunan Kluster Buah-Durian, program Buah-Buahan Terpilih serta program Pertanian Rakyat.

Program tanam semula buah-buahan terpilih akan diteruskan dengan memberi fokus kepada penggantian durian kampung kepada varieti premium seperti D197 (Musang King) dan D168 (IOI) sama ada secara cantuman dewasa ataupun sulaman bagi kawasan kebun di bawah 5 hektar.

Dalam program pembangunan kluster tanaman durian pula, usahawan yang mempunyai kawasan durian baru dan sedia ada dan di beberapa kawasan lain akan dibantu dari segi:

- i. **Pembangunan kawasan sediaada:** Pembersihan dan penyediaan kawasan
- ii. **Penyediaan infrastruktur ladang:** sistem pengairan, saluran dan perparitan, pembinaan jambatan/titi, jalan ladang/jalan masuk ke ladang, penyediaan pagar, pembinaan bangsal kompos serta papan tanda.
- iii. **Pembelian input pertanian:** baja kimia, baja organik, racun dan penggantian anak pokok termasuk kerja-kerja cantasan dan cantuman.
- iv. **Kemudahan pengendalian lepas tuai:** pembinaan pusat pengumpulan dan pusat pemprosesan, stor dan pembelian peralatan untuk pengreddan, peralatan untuk rawatan asas kuarantin dan peralatan jualan terus.

Skop bantuan ini akan diperluas pada tahun 2019 untuk melonjakkan lagi industri tanaman durian melalui

- i. Pengeluaran benih durian premium: stesen jabatan pertanian dan nurseri buah buahan berdaftar

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 28 NOVEMBER 2019**

- ii. Matching Grant: kadar 70% syarikat : 30% kerajaan (keluasan melebihi 10ha)
- iii. Pembangunan model Farm dan kepakaran teknikal
- iv. Pembangunan piawaian durian dan *elemen traceability*

Selain itu, latihan dan tunjuk ajar turut diberikan kepada petani di dalam pengurusan tanaman durian. Petani juga boleh mendapatkan khidmat teknikal dari segi pengurusan perosak dan penyakit tanaman durian melalui Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 28 NOVEMBER 2019**

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)

SOALAN 19 (A84)

Dalam Bajet 2020, Felda telah menerima RM720 juta bagi program peningkatan pendapatan peneroka, hapus kira faedah pinjaman, menaiktaraf bekalan air, perumahan generasi baharu dan menaiktaraf jalan. Berapakah peratuskah dari jumlah tersebut untuk Felda di dalam Johor?

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Dalam Belanjawan 2020, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM810 juta untuk menjaga kesejahteraan peneroka FELDA. Daripada jumlah itu, RM250 juta adalah untuk program yang bertujuan membantu meningkatkan pendapatan, RM300 juta untuk menghapuskan faedah hutang, RM70 juta untuk menyiapkan perumahan generasi baharu, RM90 juta untuk menaik taraf dan menyelenggara jalan serta infrastruktur dan RM100 juta untuk projek bekalan air. Peruntukan ini adalah kesinambungan kepada pelaksanaan inisiatif yang telah digariskan di dalam Kertas Putih FELDA.

i) Program Peningkatan Pendapatan Peneroka (PPP)

Peruntukan sebanyak RM250 juta merupakan sebahagian daripada RM1 bilion bagi tujuan pelaksanaan PPP yang akan disalurkan kepada FELDA secara berperingkat dalam tempoh empat (4) tahun. Program ini bermatlamat melahirkan peneroka yang mahir dan inovatif bagi meningkatkan pendapatan melalui aktiviti pertanian dan ternakan dengan menggunakan teknologi baharu seperti 'smart farming' dan 'precision agriculture'. Sebagai permulaan, projek PPP ini akan dilaksanakan di kawasan yang dijadualkan terlibat dengan program tanam semula. Bagi tahun 2020, pelaksanaan PPP dijangka akan melibatkan sekurang-kurangnya 11,600 peneroka dan program ini akan diperluaskan kepada lebih ramai peneroka. Limpahan manfaat daripada pelaksanaan PPP bukan hanya kepada peserta program, malah turut dinikmati oleh ramai lagi warga peneroka melalui peluang pekerjaan dan perkongsian keuntungan melalui dividen koperasi. Makmal rekabentuk PPP telahpun mengenalpasti 14 projek yang berdaya saing dan berpotensi untuk diskala naik dan dimulakan. Antara projek yang terpilih ialah ternakan arnab, ayam pedaging tertutup, lembu integrasi dan roselle. Sehingga kini, penetapan lokasi Projek PPP di Negeri Johor masih belum diputuskan oleh Lembaga Pengarah FELDA untuk pelaksanaan.

ii) Hapus Kira Faedah Pinjaman

Daripada jumlah peruntukan RM810 juta tersebut, sebanyak RM300 juta akan disalurkan untuk tujuan hapus kira faedah hutang peneroka. Untuk melaksanakan inisiatif ini, pihak pengurusan FELDA kini sedang melengkapkan profil peneroka secara terperinci bagi mengenalpasti bilangan yang layak dan peratus jumlah peruntukan yang diperolehi oleh peneroka-peneroka di Negeri Johor. Penghapusan faedah yang

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 28 NOVEMBER 2019**

dikenakan kepada peneroka yang akaun mereka telah dimuktamadkan, jelas akan mengurangkan jumlah hutang yang perlu dibayar oleh peneroka kepada FELDA. Inisiatif ini dijangka akan dilaksanakan sepenuhnya pada awal tahun 2020.

iii) Menaiktaraf Bekalan Air

Diperuntukan sebanyak RM5 juta iaitu 5% daripada peruntukan tahun 2020 bagi projek sambungan Menaiktaraf Sistem Bekalan Air FELDA Negeri Johor. Namun, jumlah keseluruhan pelaksanaan projek ini di Negeri Johor adalah hampir RM50 juta di bawah peruntukan RMK-11 (2016-2020).

Bil.	Projek Menaik Taraf Sistem Bekalan Air FELDA Seluruh Negara (Projek Sambungan)	Skop	Daerah	DUN
1.	Loji Linggiu & Sg Sayong, Kota Tinggi Johor	Pam Penggalak	Kota Tinggi	Panti & Pasir Raja
2.	Loji Sg Sayong2 & Endau, Johor	Pam Penggalak	Kota Tinggi & Mersing	Pasir Raja & Endau
3.	Layang-layang, Air Tawar & Sening BHP, Johor	Pam Penggalak	Kota Tinggi, Simpang Renggam	Layang-Layang, Johor Lama & Penawar
4.	Air Tawar & Lok Heng, Johor	Tanam Paip	Kota Tinggi	Johor Lama & Sedili
5.	Tenggaroh, Johor	Tanam Paip	Mersing	Tenggaroh
6.	Tenggaroh 5, Johor	Tanam Paip	Mersing	Tenggaroh
7.	Tenggaroh, Kahang, Endau, Johor	Tanam Paip	Mersing	Tenggaroh
8.	Pemanis, Johor	Tangki	Segamat	Pemanis
9.	Air Tawar 4	Tangki	Kota Tinggi	Johor Lama

iv) Perumahan Generasi Baharu

Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM250 juta berbentuk geran kepada FELDA untuk menyiapkan 20 tapak projek Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) yang mencapai kemajuan kerja 70 peratus ke atas. Kerajaan Negeri Johor telah menerima peruntukan berjumlah RM94 juta untuk menyiapkan empat (4) projek di FELDA Sungai Sibol (Daerah Kota Tinggi), Inas Utara (Daerah Kulai), FELDA Papan Timur (Daerah Kota Tinggi) dan FELDA Maokil 1 dan 2 (Daerah Muar) dengan jumlah unit sebanyak 1,639 unit. PGBF di Inas Utara telahpun siap sepenuhnya dan telah diduduki manakala di FELDA Sungai Sibol dijangka siap pada penghujung tahun 2019 (kemajuan kerja

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 28 NOVEMBER 2019**

telah mencapai 99%). Bagi PGBF di FELDA Papan Timur dan Maokil 1 & 2, masih di dalam proses kerja lagi.

v) Menaiktaraf Jalan

Cadangan pelaksanaan Projek Menaiktaraf Jalan di Negeri Johor dianggarkan hampir 30% daripada nilai peruntukan yang diluluskan tahun 2020 iaitu hampir RM18 juta bagi Rancangan berikut:

Bil .	Projek Menaik Taraf Jalan Di Negeri Johor Tahun 2020	Daerah	DUN
1.	FELDA Pemanis 1	Segamat	Pemanis
2.	FELDA Pemanis 2	Segamat	Pemanis
3.	FELDA Semenchu	Kota Tinggi	Penawar
4.	FELDA Sungai Mas	Kota Tinggi	Penawar
5.	FELDA Maokil 01	Labis	Bukit Serampang
6.	FELDA Maokil 02	Labis	Bukit Serampang
7.	FELDA Maokil 03	Labis	Bukit Serampang
8.	FELDA Maokil 04	Labis	Bukit Serampang
9.	FELDA Nitar 01	Mersing	Tenggaroh

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 28 NOVEMBER 2019**

YB SENATOR DATO' ZAHARI BIN SARIP (BULOH KASAP)

SOALAN 20 (A180)

Minta kerajaan menyatakan status dan perkembangan terkini berkenaan Hub Pertanian di Segamat termasuk jumlah hasil dan pengusaha yang terlibat.

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Di bawah Pelan Pembangunan Strategi Negeri Johor, daerah segamat merupakan “hub pertanian” dan “*agriculture powerhouse*”. Bagi daerah Segamat terdapat 3 KRA (*Key Result Area*) yang dijalankan iaitu:

KRA 1 : Pertanian Moden.

Di bawah KRA 1, terdapat 5 inisiatif yang dijalankan antaranya:

- a) Pemulihan Buah-Buahan (**Pertanian**)
- b) Pembangunan Industri Ternakan Ruminan (Veterinar)
- c) Pembenihan Ikan Baung (Perikanan)
- d) Kebun Nukleus (Agro Mixed Farm) (Pejabat Daerah, **Pertanian**)
- e) Pembangunan Industri Ayam Penelor (Veterinar)

KRA 2 : Tarikan Ikonik Segamat

Di bawah KRA 2, terdapat 4 inisiatif dijalankan iaitu:

- a) Dusun Agrotourism (**Pertanian**, Pejabat Daerah)
- b) Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian Dan Buah-Buahan (Pejabat Daerah, **Pertanian**)
- c) Gerai Buah-Buahan (MPS, **Pertanian**, FAMA)
- d) Medan Ikan Bakar (Perikanan)

KRA 3: Eko & Agro Tourism

Di bawah KRA 3, terdapat 3 inisiatif yang dijalankan iaitu:

- a) Karnival Agro & Eko Pelancongan (Pejabat Daerah, **Pertanian**, MPS)
- b) Promosi Dan Iklan Agropelancongan (Pejabat Daerah, **Pertanian**, MPS)
- c) Penjenamaan Dan Pemasaran Durian Dan Limau Bali Segamat (Pejabat Daerah, **Pertanian**)

Status dan perkembangan terkini berkaitan Hub Pertanian Segamat mengikut KRA-KRA dan inisiatif yang telah dijalankan. Di bawah Jabatan Pertanian terdapat beberapa inisiatif yang telah dijalankan iaitu:

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 28 NOVEMBER 2019**

1. Pemulihan Buah-Buahan (Pertanian)

Inisiatif ini telah dijalankan dari tahun 2017 dan sehingga kini masih diteruskan bagi memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat, meningkatkan kualiti dan pengeluaran buah-buahan tempatan dan memperkasakan jenama durian, limau bali dan kelapa daerah Segamat.

Status perkembangan bagi inisiatif ini masih giat dijalankan kepada petani dan usahawan dalam meningkatkan produktiviti pengeluaran tanaman durian, limau bali dan kelapa. Banyak ladang yang telah diberi bantuan bagi peningkatan hasil ladang dari tahun 2017 sehingga kini.

INISIATIF	PERUNTUKAN (RM) 2019	BIL. PESERTA TAHUN 2019	BIL PESERTA KESELURUHAN	HASIL (M/TAN)
Tanam Semula Buah-Buahan Terpilih (Durian, Limau Bali)	441,760.00	75	11,642	14,867 (durian) 2,101(limau bali)

2. Kebun Nukleus (Agro Mixed Farm)

Status terkini projek Agro Mixed Farm ini adalah masih di peringkat awal penanaman dan segala kelengkapan infrastruktur asas juga dalam penambahbaikan. Projek ini melibatkan 11 peserta keseluruhannya. Di bawah kawal selia Jabatan Pertanian terdapat 7 peserta. Dua (2) peserta tanaman durian Musang King, dua (2) peserta tanaman kelapa, satu (1) peserta tanaman limau bali dan dua (2) peserta adalah tanaman fertigasi cili. Manakala di bawah kawal seliaan JPV adalah 2 peserta ternakan rusa dan 1 peserta ternakan lembu tenusu. Manakala bagi Jabatan Perikanan hanya 1 peserta iaitu ternakan ikan air tawar (baung, talapia). Kesemua peserta telah menjalankan aktiviti pertanian di projek ini.

3. Industri Asas Tani (IKS)

Program ini masih diteruskan oleh Jabatan Pertanian dibawah program Perintis Keusahawanan Johor (PKJ). Program ini adalah lebih fokus membantu golongan usahawan IKS bagi meningkatkan penghasilan produk dan kualiti hasil. Seramai 130 usahawan yang telah menerima bantuan dalam program ini. Bantuan berupa peralatan, penambahbaikan bengkel dan lain-lain skop berkaitan IKS. Pendapatan setakat Oktober tahun 2019 adalah sebanyak **RM 1,375,283.96**.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 28 NOVEMBER 2019**

4. Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian Dan Buah-Buahan.

Pusat ini telah diserahkan kepada Koperasi Petani Jementah bagi memulakan aktiviti pertanian seperti menjadi satu pusat (*center*) kepada pekebun durian bagi menjual hasil mereka kepada peraih-peraih atau peniaga-peniaga. Pusat ini akan beroperasi pada awal Disember tahun 2019. Sementara itu, pihak koperasi masih memperbaiki dan menaiktaraf pusat pengumpulan hasil bagi menampung aktiviti-aktiviti berkaitan.

5. Dusun Agrotourism Bukit Jementah

Bagi projek Dusun Agrotourism Bukit Jementah, pihak jabatan masih mengkaji dan meneliti kertas kerja berkaitan pembangunan dusun agrotourism dari segala aspek antaranya aspek keselamatan pengunjung, dana peruntukan dan strategi bagi pembangunan dusun tersebut. Dusun ini dicadangkan untuk dibangunkan dengan menjadikan 'bank of durian' dimana semua klon durian di dalam daerah Segamat akan ditanam di kawasan tersebut (30 ekar). Ianya juga akan dijadikan sebagai suatu tempat agro pelancongan bagi mengenal klon-klon durian terbaik daerah Segamat. Di kawasan paling atas bukit berkeluasan 1 ekar, dicadangkan pembinaan wakaf bagi melihat keindahan kawasan Jementah dari pemandangan atas bukit. Jabatan Pertanian akan memberi khidmat nasihat dan teknikal kepada syarikat-syarikat yang berminat untuk membangunkan kawasan tersebut sebagai kawasan dusun agrotourism.

6. Karnival Agro & Eko Pelancongan

Di daerah Segamat, setiap tahun Jabatan Pertanian akan mengadakan beberapa program bagi memperkenalkan dan mempromosikan produk-produk pertanian daripada golongan anak tempatan. Antaranya pada tahun 2019 (Jun) telah diadakan Ekspot Tani Dan Pesta Buah-Buahan yang berlangsung selama 3 hari di Padang MPS, Segamat. Program ini telah dihadiri oleh lebih 10,000 pengunjung dari dalam dan luar negeri Johor. Pelbagai aktiviti yang telah dijalankan bagi mengiktiraf golongan usahawan tempatan, diantaranya adalah Pertandingan Durian Unggul Johor. Ianya dimenangi oleh anak tempatan Segamat.

7. Penjenamaan dan Pemasaran (Durian Dan Limau Bali) Segamat

Penjenamaan dan Pemasaran Durian & Limau Bali Segamat telah dilaksanakan pada tahun 2018. Limau bali segamat adalah klon buah yang hanya didapati di Segamat iaitu *Limau Bali Pink*. Pejabat daerah dan Jabatan Pertanian telah mengeluarkan label bagi penjenamaan semula dan pemasaran durian dan limau bali. Cuma setakat ini masih dalam kuantiti yang sedikit dan tidak mampu untuk diberi kepada semua pengusaha. Suatu piawaian (*standard label*) untuk durian dan limau bali akan digunakan bagi mempromosikan kedua-dua tanaman jenis buah ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 28 NOVEMBER 2019**

Untuk makluman YB juga, Daerah Segamat telah melancarkan logo dan 'tagline' pelancongan daerah Segamat : "*Route To Nature And Fruits*". Pada masa yang sama, daerah Segamat telah memperkenalkan cenderahati / ikon segamat.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 28 NOVEMBER 2019**

YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL (RENGIT)

SOALAN 21 (A140)

Minta penjelasan apakah perancangan kerajaan negeri membangunkan komoditi Kelapa Mataq, Nenas MD2 dan Durian sebagai sumber kekayaan baru pertanian di negara ini, di samping menjadi pengganti terbaik komoditi kelapa sawit yang potensinya semakin malap.

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Kelapa Mataq :

Anggaran keperluan permintaan kelapa Negeri Johor ialah lebih kurang 105,000,000 kg setahun dan ianya akan meningkat dari setahun ke setahun. Bagi menampung keperluan yang tersebut, tambahan baru kawasan kelapa / tanaman semula kawasan kelapa akan dipertingkatkan.

Bagi menyokong lagi aktiviti penanaman kelapa, adalah menjadi dasar kerajaan negeri bagi setiap permohonan tanah kerajaan untuk mengusahakan tanaman untuk pertanian, penanaman kelapa juga adalah digalakkan dan diberi perhatian. Kawasan-kawasan kelapa baru juga turut diwujudkan di kawasan KEJORA Kota Tinggi dan Projek Pertanian Moden Kluang. Program-program menggalakkan rakyat untuk menanam kelapa juga diwujudkan melalui program pemberian benih-benih kelapa, bagi menampung keperluan kelapa seharian.

Jabatan Pertanian masih terus menggalakkan pekebun-pekebun kecil supaya memajukan tanaman kelapa mereka dengan cara menanam semula kawasan-kawasan kelapa tua yang sedia ada dengan tanaman kelapa seperti kelapa matag, kelapa pandan, kelapa MRD (*Malayan Red Dwarf*) dan kelapa MYD (*Malayan Yellow Dwarf*) melibatkan daerah-daerah berpotensi.

Pada tahun 2019 sebanyak RM 400,000 diperuntukkan kepada Negeri Johor bagi Projek Pembangunan Industri Tanaman Kelapa. Pengeluaran benih kelapa yang dikeluarkan oleh Pusat Pertanian Jorak (Pusat Bekalan Benih Kelapa) pula ialah sekitar 28,000 benih kelapa / setahun.

Sebagaimana yang dinyatakan di atas, tanaman pokok kelapa tua yang tidak lagi produktif dan yang tidak mengeluarkan hasil yang baik adalah digalakkan untuk ditebang dan ditanam semula dengan baka hibrid yang lebih berkualiti seperti kelapa MYD, kelapa pandan dan matag. Bagi pengusaha-pengusaha tanaman kelapa sedia ada seperti yang tersebut di atas, kerajaan negeri akan menggalakkan mereka untuk mengusahakan tanaman selingan / sampingan seperti koko atau kopi. Ianya secara tidak langsung, akan membantu meningkatkan pengeluaran tanaman tersebut.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 28 NOVEMBER 2019**

Durian :

Bagi melonjak usaha meningkatkan industri durian, Jabatan Pertanian melalui Bahagian Pembangunan Industri Tanaman yang berpusat di Ayer Hitam mulai mengeluarkan anak benih durian bernilai tinggi pada tahun 2016 sebanyak 5,000 anak pokok setiap tahun. Jumlah pengeluaran ini akan dipertingkatkan kepada 20,000 anak pokok pada tahun 2019 di bawah inisiatif Sumber Rezeki Baharu (dahulu dikenali dengan Sumber Kekayaan Baru). Benih-benih tersebut akan diagih kepada petani melalui Program Pembangunan Kluster Durian, Program Tanam Semula Buah-Buahan Terpilih serta Program Pertanian Rakyat. Melalui tiga (3) program ini, Negeri Johor telah diagihkan sejumlah RM1.8 juta bagi menyokong Pembangunan Industri Durian Negeri Johor.

Program Tanam Semula Buah-Buahan Terpilih akan diteruskan dengan memberi fokus kepada penggantian durian kampung kepada varieti premium seperti D197 (Musang King) dan D168 (IOI) sama ada secara cantuman dewasa ataupun sulaman bagi kawasan kebun di bawah 5 hektar.

Dalam Program Pembangunan Kluster Durian pula, usahawan yang mempunyai kawasan durian baru dan sedia ada dan di beberapa kawasan lain akan dibantu dari segi:

- v. **Pembangunan kawasan sediaada:** Pembersihan dan penyediaan kawasan
- vi. **Penyediaan infrastruktur ladang:** sistem pengairan, saluran dan perparitan, pembinaan jambatan/titi, jalan ladang/jalan masuk ke ladang, penyediaan pagar, pembinaan bangsal kompos serta papan tanda.
- vii. **Pembelian input pertanian:** baja kimia, baja organik, racun dan penggantian anak pokok termasuk kerja-kerja cantasan dan cantuman.
- viii. **Kemudahan pengendalian lepas tuai:** pembinaan pusat pengumpulan dan pusat pemprosesan, stor dan pembelian peralatan untuk pengreddan, peralatan untuk rawatan asas kuarantin dan peralatan jualan terus.

Skop bantuan ini akan diperluas pada tahun 2019 untuk melonjkan lagi industri tanaman durian melalui:

- v. Pengeluaran benih durian premium: stesen jabatan pertanian dan nurseri buah-buahan berdaftar
 - vi. Matching Grant: kadar 70% syarikat : 30% kerajaan (keluasan melebihi 10ha)
 - vii. Pembangunan model Farm dan kepakaran teknikal
 - viii. Pembangunan piawaian durian dan *elemen traceability*

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 28 NOVEMBER 2019**

Selain itu, latihan dan tunjuk ajar turut diberikan kepada petani di dalam pengurusan tanaman durian. Petani juga boleh mendapatkan khidmat teknikal dari segi pengurusan perosak dan penyakit tanaman durian melalui Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian.

Nanas :

Berdasarkan Statistik Tanaman Negeri Johor Tahun 2018 bagi tanaman nanas, keluasan penanaman nanas di negeri Johor adalah 8639.3 ha dengan pengeluaran sebanyak 250,950.2 tan metrik. Nanas MD2 menyumbang pengeluaran sebanyak 58,360.4 tan metrik dengan keluasan penanaman 2565.1 ha. Pengeluaran nanas dijangka tumbuh pada kadar 22.1 peratus setahun dengan unjuran pengeluaran buah nanas sebanyak 700,000 tan metrik.

Pembangunan Industri Nanas Johor juga dijangka mampu meningkatkan nilai eksport nanas dengan sasaran pada tahun 2020 adalah RM320 juta sejajar dengan pembukaan pasaran yang luas di China terutama MD2, manakala nilai pengeluaran nanas negara dijangka mencecah RM1 bilion.

Pihak Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) komited dalam usaha meningkatkan pengeluaran nanas secara komersial terutama untuk tujuan eksport, di samping melahirkan usahawan nanas berpendapatan tinggi selaras dengan Dasar Agromakanan Negara (DAN).

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 28 NOVEMBER 2019**

YB TUAN MD. YSAHRUDDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)

SOALAN 22 (A146)

Dalam daerah Muar terdapat 2,337 ekar tanah terbiar yang boleh dimajukan untuk menjadi sumber kepada pendapatan negeri, apakah perancangan dalam masa terdekat dan panjang bagi tanah terbiar tersebut supaya dapat meningkatkan ekonomi setempat.

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Dalam usaha memanfaatkan tanah yang terbiar untuk tujuan pertanian, Jabatan Pertanian menggalakkan **usahawan tani dan pemilik tanah** untuk mengusahakan tanah dengan aktiviti pertanian menerusi Projek Pembangunan Pertanian (Tanah Terbiar).

Projek Pembangunan Pertanian (Tanah Terbiar) ini telah dimulakan sejak Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) lagi, bertujuan untuk membangunkan tanah terbiar supaya menjadi tanah yang produktif dan memberi pulangan kepada pengusaha selain dapat meningkatkan pengeluaran tanaman makanan memandangkan tanah baharu bagi tujuan pertanian kini adalah terhad.

Menurut data daripada Jabatan Pertanian Malaysia, keluasan tanah terbiar yang direkod bagi Daerah Muar pada tahun 2019 adalah sebanyak 350.18 ha (865.1 ekar) seperti di Jadual 1. Kawasan ini melibatkan 232 lot tanah bertaburan di seluruh daerah Muar. Hampir keseluruhan lot-lot ini adalah terdiri dari lot tanah kecil berkeluasan sekitar 1 hingga 3 ekar setiap lot. Tanah terbiar ini mempunyai pelbagai masalah seperti Tanah adalah bermilik dan kebanyakan tuan tanah sukar dikesan untuk dihubungi secara terus oleh Jabatan Pertanian. Selain itu, Tanah adalah terhad kepada sesuatu jenis tanaman sahaja disebabkan faktor siri tanah dan kedudukan tanah yang rendah sering menghadapi masalah banjir.

Namun yang demikian, bagi memastikan tanah terbiar ini dibangunkan, penerangan dan hebahan telah dan akan dibuat dalam beberapa sisi taklimat Jabatan Pertanian melalui program-program pertemuan di peringkat MPKK, DUN dan Parlimen. Selain itu, melalui program berterusan Lawatan Pengembangan Jabatan, Agen Pengembangan Tanaman (APT) yang berada di setiap Mukim dalam daerah Muar akan bertemu secara terus dengan petani atau pemilik tanah terbiar. Daripada pertemuan ini, penjelasan serta penerangan berkaitan insentif Bantuan Program Tanah Terbiar yang boleh dibantu oleh Jabatan Pertanian akan disampaikan di samping khidmat nasihat teknikal tanaman yang sesuai dibangunkan di kawasan tanah terbiar tersebut.

Untuk tujuan itu, Jabatan membantu usahawan tani dan pemilik tanah dengan inisiatif seperti berikut:

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 28 NOVEMBER 2019**

- a) Bantuan secara terhad seperti input pertanian berupa benih, baja, racun, mesin dan peralatan kecil;
- b) Bantuan bagi pembersihan kawasan yang telah dikenalpasti seperti kerja-kerja perataan tanah;
- c) Bantuan bagi pembangunan infrastruktur seperti pemasangan sistem pengairan dan saliran serta pembinaan jalan ladang dengan kadar maksimum sebanyak RM20,000/ha; dan
- d) Memberikan khidmat nasihat dan perundingan khususnya aspek teknikal penanaman.

Di peringkat negeri, sebuah gagasan baru cetusan idea Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar Negeri Johor yang dinamakan "Revolusi Tanah Terbiar" akan dilaksanakan pada tahun 2020 bagi membangunkan tanah-tanah terbiar milik **jabatan/ agensi dan persendirian** agar hasrat kerajaan negeri untuk mengekalkan Johor sebagai pengeluar makanan utama negara tercapai. Kaedah pelaksanaan program ini adalah dibawah seliaan Jabatan Pertanian Negeri Johor iaitu di bawah urus setia Perintis Keusahawanan Johor (PKJ).

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 28 NOVEMBER 2019**

YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)

SOALAN 23 (A63)

Mohon kajian semula untuk kenaikan elaun Ketua Kampung dan Ketua Masyarakat Negeri Johor.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Yang Berhormat Yong Peng, Kerajaan Persekutuan ini melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada ketika ini, telah menetapkan elaun bulanan Ketua Kampung dan Ketua Masyarakat Cina sebanyak RM500.00 sebulan .

Seterusnya, Kerajaan Negeri Johor bersetuju untuk menambah elaun Ketua Kampung sebanyak RM 200 dan Februari 2019, Kerajaan Negeri Johor juga telah bersetuju untuk menaikkan sekali lagi elaun Ketua Kampung sebanyak RM 200, yang menjadikan jumlah elaun yang diterima oleh mereka adalah sebanyak RM900.00 sebulan.

Bagi tujuan tersebut, sejumlah RM3,763,000.00 telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri dalam Belanjawan 2019. Daripada jumlah ini, sebanyak RM3,597,400.00 telah dibelanjakan bagi pembayaran Elaun Ketua Kampung dan Ketua Masyarakat tersebut sehingga bulan Oktober 2019.

Saya akan bacakan jumlah elaun bulanan yang diterima oleh setiap Ketua Kampung dan Ketua Masyarakat

Perihal	Kadar Bayaran Elaun (RM)		Jumlah Elaun Sebulan (RM)	Jumlah Elaun Setahun (RM)
	Kerajaan Persekutuan	Kerajaan Negeri		
Ketua Kampung (670 Orang)	500.00	400.00	900.00	10,800.00
Ketua Masyarakat Cina (123 Orang)	500.00	400.00	900.00	10,800.00
Ketua Masyarakat India (8 Orang)	-	900.00	900.00	10,800.00
Setiausaha Masyarakat India (8 Orang)	-	300.00	300.00	3,600.00

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Bahagian Kampung Baru yang sebelum ini berada di bawah Jabatan Perdana Menteri telah dipindahkan fungsi dan peranannya ke Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan berkuatkuasa 13 September 2018 dan diletakkan di bawah Jabatan Kerajaan Tempatan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 28 NOVEMBER 2019**

Kerajaan Negeri telah bersetuju pengurusan Ketua Masyarakat diletakkan di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Kerajaan Tempatan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 16 Januari 2019.

Bayaran kadar elaun kepada anggota Ketua Masyarakat masih tertakluk kepada garis panduan Tatacara Pengurusan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Bagi Kampung-Kampung Baru yang berkuatkuasa November 2018.

Sehubungan itu, pihak pentadbiran ini akan bekerjasama dengan pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Pengurusan dan pejabat-pejabat daerah dalam membuat kajian bagi cadangan kenaikan elaun Ketua Masyarakat.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 28 NOVEMBER 2019**

YB TUAN DR. CHONG FAT FULL (PEMANIS)

SOALAN 24 (A125)

Mengikut Gini Coefficient, Malaysia masih mempunyai jurang pendapatan yang agak tinggi di kalangan negara ASEAN. Apakah langkah-langkah kerajaan Johor untuk memastikan Johor mencapai prestasi Gini Coefficient yang lebih memuaskan?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker Dewan, izinkan saya menjawab soalan yang diajukan daripada Yang Berhormat Pemanis. Untuk makluman Yang Berhormat, data Pekali Gini bagi Malaysia terkini menunjukkan pada kadar 0.399 dan secara relatif agak tinggi berbanding negara ASEAN yang lain.

Ini adalah disebabkan kadar yang tinggi bagi negeri Sabah dan Sarawak. Kadar Pekali Gini bagi negeri Johor adalah 0.354 iaitu kelima terbaik di peringkat nasional.

Kadar Pekali Gini bagi Johor telah menurun dari tahun ke tahun. Pelaksanaan program pembangunan dan pemerikasaan secara bersasar yang dijalankan sebelum ini telah menghasilkan peningkatan status sosioekonomi penduduk Johor. Penyediaan infrastruktur asas di kawasan luar bandar berserta aktiviti pembangunan keusahawanan telah membolehkan penduduk luar bandar dan terpencil untuk meningkatkan penglibatan dalam pembangunan sosioekonomi.

Selain itu, pembangunan berfokus di koridor ekonomi wilayah dan kawasan ekonomi baharu telah menarik pelaburan dan mewujudkan peluang pekerjaan, terutamanya di kawasan yang kurang maju. Kerajaan akan terus memberikan tumpuan untuk memperkasa inklusiviti dan peluang yang saksama bagi seluruh rakyat Malaysia. Strategi akan ditumpukan untuk meningkatkan pendapatan isi rumah ke arah menambah baik kualiti hidup, dan kuasa beli pengguna terutama golongan B40.

Untuk makluman Yang terhormat Pemanis, tumpuan juga akan diberikan untuk menangani keperluan kumpulan sasar yang dikenal pasti, memberikan keutamaan kepada sokongan bersyarat dan berasaskan "outcome", sama ada dalam konteks ekonomi atau sosial.

Selain beberapa strategi khusus dilaksanakan termasuklah meningkatkan taraf isi rumah golongan B40 ke arah masyarakat kelas menengah; memperkasa komuniti untuk membina masyarakat yang produktif dan sejahtera; mentransformasi luar bandar untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat; mempercepat pertumbuhan wilayah; dan mempertingkatkan peluang ekonomi Bumiputera.

Kesimpulannya, di sini kerajaan Negeri Johor akan sentiasa berusaha untuk memastikan Johor mencapai prestasi Gini Coefficient yang lebih memuaskan dari semasa ke semasa.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 28 NOVEMBER 2019**

YB TUAN MD. YSAHRUDDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)

SOALAN 25 (A148)

Berapakah penerima dan peruntukan yang telah mendapat melalui program Ihsan Johor pada tahun 2019.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya menjawab pertanyaan dari Yang Berhormat Bukit Naning berkenaan peruntukan disalurkan kepada melalui Program Ihsan Johor pada tahun 2019.

Untuk makluman dewan yang mulia ini, Sukarelawan Program Ihsan Johor adalah sebuah NGO yang mengadakan program yang mempromosikan kesukarelawan, menyediakan bantuan kemanusiaan dan menyediakan platform bagi orang ramai untuk menyumbang kepada masyarakat yang memerlukan di Malaysia khususnya di Negeri Johor.

Selain itu, Ihsan Johor turut melaksanakan program-program sukarelawan yang lain melalui 3 platform iaitu Sekolah Ihsan Johor, Dapur ihsan Johor dan Skwad Ihsan Johor.

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Naning, pihak pentadbiran ini tidak menerima sebarang permohonan atau kertas cadangan daripada Ihsan Johor bagi menjalankan program-program untuk tahun 2019.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 28 NOVEMBER 2019**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 26 (A167)**

Banyak hakmilik sementara lot tanah tidak menyatakan simpanan jalan di antara lot, apakah polisi kerajaan sekiranya kedua-dua belah pemilik tanah enggan memberi ruang untuk simpanan jalan?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon izin untuk menjawab soalan Yang Berhormat Mengkibol mengenai polisi kerajaan berkenaan pemilik tanah yang enggan memberi ruang untuk simpanan jalan.

Untuk makluman Yang Berhormat Mengkibol, di dalam proses pengurniaan tanah kerajaan, Pentadbiran Tanah Johor akan memastikan setiap lot-lot tanah tersebut perlu mempunyai rizab jalan yang sah, kerana kepentingan jalan keluar masuk ke sesuatu tanah adalah penting bagi membolehkan tanah tersebut dimajukan.

Selain itu, keperluan mempunyai rizab jalan yang sah telah ditetapkan dalam Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Johor Bil 1 Tahun 1989 dan Bil 1 Tahun 2019 iaitu Tatacara Penyediaan Pelan Perakuan Permohonan Tanah di mana setiap lot-lot tanah yang hendak dikurniakan perlu diadakan atau dihubungi dengan rizab jalan yang sah.

Bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat Mengkibol terdapat juga lot-lot tanah yang tiada rizab jalan yang sah dalam kurniaan tanah yang terdahulu.

Terdapat juga plot-plot tanah yang jalan keluar masuk sedia ada digunakan melalui atas tanah-tanah berhakmilik iaitu jalan-jalan kebun atau jalan-jalan kampung yang dibina oleh Pejabat Daerah yang dikenali sebagai jalan Pembangunan Luar Bandar (PLB) dengan persetujuan pemilik-pemilik tanah yang terlibat.

Oleh itu, masalah yang timbul adalah apabila tanah-tanah tersebut berpindah milik kepada generasi kedua atau ketiga yang tidak bersetuju jalan tersebut berada di atas tanah milik mereka.

Bagi mengatasi masalah lot-lot tanah yang tiada mempunyai rizab jalan yang sah atau pemilik-pemilik tanah berhakmilik yang enggan memberi ruang untuk rizab jalan, di bawah Seksyen 390 (1) Kanun Tanah Negara (KTN) 1965, telah menyatakan bahawa Pihak Berkuasa Negeri atau pemilik tanah atau penduduk mana-mana tanah boleh memohon kepada Pentadbir Tanah Daerah untuk mewujudkan Hak Lalu Lalang dengan menggunakan Borang 28A KTN bagi menyelesaikan masalah jalan keluar masuk.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 28 NOVEMBER 2019**

Untuk makluman Yang Berhormat Mengkibol, Hak Lalu Lalang ini diwujudkan bagi membenarkan pemilik tanah untuk menggunakan tanah milik orang lain terutama sekali tanah yang berjiran untuk digunakan sebagai laluan keluar masuk kepada perhentian awam atau akses ke jalan utama.

Sehubungan itu, sebelum permohonan Hak Lalu Lalang diluluskan, Pentadbir Tanah Daerah akan mengadakan siasatan (*enquiry*) atau kajian penyelidikan (*investigation*) untuk menentukan samada Hak Lalu Lalang tersebut sesuai untuk diwujudkan atas Hak Lalu Lalang Persendirian atau Hak Lalu Lalang Awam.

Kerajaan negeri akan sentiasa membuat pantauan polisi melalui Pentadbir Tanah Daerah.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 28 NOVEMBER 2019**

**YB SENATOR DATO' ZAHARI BIN SARIP (BULOH KASAP)
SOALAN 27 (A179)**

Minta kerajaan menyatakan statistik jenayah yang dilaporkan berlaku di negeri Johor dalam tempoh 5 tahun sehingga pertengahan tahun 2019.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Buloh Kasap mengenai statistik jenayah yang berlaku di Negeri Johor dalam tempoh lima tahun sehingga pertengahan tahun 2019.

Untuk makluman Yang Berhormat Buloh Kasap, jumlah kes jenayah indeks di Kontinjen Johor bagi tempoh lima tahun menunjukkan penurunan yang berterusan sejak dari tahun 2015 hingga 2019 (setakat Januari – Jun).

Statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kontinjen Johor menunjukkan pada tahun 2015 sebanyak 13,480 kes direkodkan dan ia menurun kepada 12,941 kes pada tahun 2016.

Selain itu, pada 2017 sebanyak 11,307 dicatatkan dan ia terus menunjukkan penurunan kepada 10,338 kes pada 2018.

Manakala tempoh Januari hingga Jun 2019, jumlah kes Jenayah Indeks di Kontinjen Johor adalah sebanyak 4,803 kes.

Kerajaan negeri percaya trend penurunan ini adalah susulan pelbagai langkah diambil Polis Diraja Malaysia Kontinjen Johor dalam membanteras pelbagai kegiatan jenayah di negeri ini.

Kerajaan negeri berasa bangga dengan usaha keras yang dilakukan oleh pasukan PDRM dalam menjaga keamanan dan kesejahteraan rakyat negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 28 NOVEMBER 2019**

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)
SOALAN 28 (A197)**

Nyatakan jumlah keluasan tanah yang diluluskan untuk tujuan Rumah Ibadat Bukan Islam dalam Negeri Johor pada tahun 2018 dan 2019?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Terima kasih YB Speaker , izinkan saya menjawab soalan berkenaan jumlah keluasan tanah yang diluluskan bagi tujuan Rumah Ibadat Bukan Islam dalam Negeri Johor pada tahun 2018 dan 2019.

Untuk makluman Yang Berhormat Pekan Nenas, kerajaan negeri telah **meluluskan pemberimilikan 15 plot tanah untuk tujuan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) pada tahun 2017 dan 2018.**

Berdasarkan rekod Pentadbiran Tanah, masih terdapat permohonan-permohonan yang diterima serta masih dalam tindakan Pejabat Tanah Daerah dan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Johor untuk tahun 2019.

Selain itu, untuk permohonan- permohonan ini, **sentiasa diberikan perhatian** dan akan dibawa untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri apabila penyediaan kertas perakuan yang lengkap disempurnakan.

Kerajaan negeri tidak pernah mengetepikan peruntukan untuk membuat Rumah Ibadat bagi bukan Islam .